

PELAMIN MASYARAKAT IRANUN DI DAERAH KOTA BELUD, SABAH

(*Bridal Dais of the Iranun Community in the District of Kota Belud, Sabah*)

*Asmiaty Amat

asmiaty@ums.my

Penerbit UMS,

Universiti Malaysia Sabah,

Lokman Abd Samad

lokns@yahoo.com.my

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa,
Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan,
Universiti Malaysia Sabah.

Terbit dalam talian (*published online*): 4 Julai 2019

Sila rujuk: Asmiaty Amat dan Lokman Abd Samad. (2019). Pelamin masyarakat Iranun di Daerah Kota Belud, Sabah. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 164-180.

Abstrak

Artikel ini bertujuan mengkaji budaya benda atau peralatan yang digunakan untuk menonjolkan nilai keindahan pelamin masyarakat Iranun yang merupakan etnik minoriti yang mendiami kawasan di pesisir pantai khususnya di Kota Belud dan beberapa kampung di Lahad Datu. Penelitian ini melihat hubungan keindahan budaya benda (pelamin) masyarakat Iranun yang mengambarkan nilai sosial atau autoriti dalam struktur sosialnya melalui aspek budaya benda tersebut. Kajian ini merupakan kajian lapangan yang menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual. Lokasi kajian bertempat di tiga buah kampung di daerah Kota Belud yang terdiri dari Kampung Payas-Payas, Kampung Pantai Emas dan Kampung Peladuk. Seramai lapan orang informan telah ditemu bual dengan menggunakan kaedah soalan tidak berstruktur yang meliputi dokumentasi budaya benda yang terdapat pada pelamin masyarakat Iranun. Kajian menunjukkan bahawa artifak benda penting untuk memelihara status sosial masyarakat Iranun sekali gus mempamerkan

keunikan etnik minoriti ini dalam meneruskan kelangsungan hidup mereka dengan mengamalkan budaya yang diwarisi sehingga ke hari ini.

Kata kunci: Iranun, Kota Belud, budaya benda, pelamin, status sosial

Abstract

This article aims to study the material culture or tools used for showcasing the beauty of the bridal dais of the Iranun, an ethnic minority that occupies, particularly, the coastal areas at Kota Belud and several villages in Lahad Datu. The study looks at the beauty of Iranun bridal dais, which symbolizes the social values or authority structure in its social system, from the point of view of material culture. This study was conducted through fieldwork employing the observational method and interviews. The location under study included three villages in the Kota Belud area, comprising Kampung Payas-Payas, Kampung Pantai Emas and Kampung Peladuk. Eight informants were interviewed using the unstructured interview method to document the material culture of the Iranun with respect to bridal dais. The study reveals that artefacts are important in order to maintain social status among the Iranun, while at the same time displaying the uniqueness of this ethnic minority, who continue to practice the culture inherited from their forebears to this very day.

Keywords: Iranun, Kota Belud, material culture, bridal dais, social status

PENDAHULUAN

Masyarakat Iranun dikenali sebagai komuniti yang mendiami kawasan pesisir pantai terutamanya di daerah Kota Belud. Masyarakat ini memiliki keunikan bentuk struktur sosial, iaitu keturunan pembesar dan ulama yang dikenali sebagai Syarif dan Datu, selain orang bawahan. Konsep penekanan tingkat sosial telah menjadikan mereka sangat menghargai dan menganggap besar akan status sosial mereka, serta menjaga hubungan darah atau jurai keturunan mereka.

Jika dilihat dalam konteks peristilahan Iranun, makna kegiatan bangsa itu disinonimkan dengan maksud “berkasih-kasihan”, atau saling bekerjasama dan tolong-menolong dalam hidup bermasyarakat (Datu Bandira Datu Alang, 1992 p.1, Humin Jusilin, 2013 p. 110, Dayang Suria Hj. Mulia, 2010 p. 46). Jika ditelusuri makna nilai kelompok minoriti pribumi Sabah, jelas bahawa mereka merupakan kelompok etnik minoriti yang hidup bermasyarakat dan mudah bergaul dan mengasimilasikan diri mereka dengan masyarakat luar tanpa mengabaikan keperibadian dan keunikan mereka. Mereka hidup dalam keadaan aman dan harmoni berdasarkan undang-undang adat di setiap perkampungan sehingga ke hari ini. Mereka meletakkan peraturan

atau percaturan hidup seperti yang dituntut dalam konteks hidup bermasyarakat yang berpandukan pegangan agama Islam. Meskipun undang-undang adat memudahkan urusan harian mereka, namun kepercayaan tradisi masih terus dipegang, iaitu amalan yang diwarisi dari nenek moyang mereka.

Asal usul keturunan etnik Iranun dikenali dengan nama Iranon, Irranun, Illanun, Ilanun, Iranon-Meranoa atau Meranao yang berasal dari Teluk Iranun di bahagian selatan Filipina (Headly, 1951 pp. 152-162; Datu Pandira Datu Alang, 1992 p. 1). Namun begitu, sesetengah pengkaji berpendapat etnik Iranun berhijrah ke Sabah untuk menyelamatkan diri daripada pemerintahan Sepanyol yang telah menguasai selatan Filipina. Oleh sebab itu, mereka telah membuka penempatan di sekitar Tempasuk dan Tuaran dari Teluk Illana dan Tasik Lanao di daerah Mindanao.

Kebanyakan mereka turut mendiami kawasan Usuka, tempasuk, Rampai Laut, Nanamun, Tapukan, Kayu Putih, Pintasan, Tamau, Lilud, Merabau, Rudang, Kota Peladok, Peladok, Payas-Payas, Pantai Emas, kawa-Kawa, Liang, Tandu', watu, Bira-bira'an, Kotabangun, tawadakan, Kaguran, Kawang-Kawang, Penampang, Pandasan, dan Rampai Ulu di Kota Belud. Masyarakat Iranun turut mendiami kawasan persekitaran kudat dan pesisir pantai perairan Sabah. Kebanyakan kumpulan etnik ini tinggal di Kampung Indarason Kudat, Kampung Nala, Bakolod, Barigas di Tungku, Lahad Datu. Sebahagian mereka menjadikan kawasan Likas dan Kampung Warisan Inanam, Kota Kinabalu sebagai penempatan mereka (Abd. Naddin Shaiddin, 2014 p. 124).

Berdasarkan bancian penduduk pada tahun 2010, catatan menunjukkan jumlah etnik Iranun di Sabah seramai 1,000,000-1,1500,000 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010 pp. 137-140). Etnik ini mendiami kawasan pesisir pantai, maka tidak hairanlah mereka dianggap sebagai pelaut yang cekap. Mereka turut menjalankan kegiatan ekonomi seperti nelayan, petani, mengusahakan tanaman padi, dan peniaga kecil-kecilan. Golongan muda pula kebanyakannya bekerja sendiri dan berkhidmat sebagai kakitangan awam dan swasta (Dayang. Suria Hj. Mulia, 2010 p. 46).

Kajian ini meneliti budaya benda atau peralatan yang digunakan untuk menonjolkan nilai keindahan pelamin masyarakat Iranun. Masyarakat Iranun yang merupakan etnik minoriti yang mendiami kawasan di pesisir pantai khususnya di Kota Belud dan beberapa kampung di Lahad Datu. Lima orang responden telah ditemui bual antaranya termasuklah Hj Usin @ Unin bin Andatu, 80 tahun, Kampung Pantai Emas, Kota Belud, Hjh Faridah @ Rangkuni binti Bidin, 72 tahun, Kampung Rampayan Laut, Kota Belud, Dyg Latifah Hj Manir, 48 tahun, Kampung Rampayan Laut, Kota Belud, Amas Gunawan binti Dato Arifin, 64 tahun, Kampung Rampayan Laut Kota Belud dan Hjh Udah binti Dato' Dawat, 94, Kampung Rampayan Laut, Kota Belud.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Kajian terawal tentang orang Iranun telah dilakukan oleh Datu Bandira bin Datu' Alang (2004) dalam tulisannya tentang sejarah kedatangan Iranun dan penempatan mereka di Sabah. Cerita lisan penghijrahan etnik minoriti ini disesuaikan dengan pengaruh agama Islam di Filipina apabila berlaku tiga gelombang penghijrahan orang-orang Melayu ke kepulauan Filipina, mereka berkutit perang dan merupakan antara pelaut yang mahir dan handal telah menyeberangi laut dengan menggunakan perahu layar yang dikenali sebagai *barangay* sekitar abad ke 14 dan 16 Masihi.

Humin Jusilin (2014) dalam kajian tentang reka bentuk *pasandalan* dan pamaniae, iaitu bendera kecil dan besar dalam masyarakat Iranun. *Pasandalan* dan pamaniae menggambarkan status sosial hierarki dalam masyarakat Iranun di Kota Belud, Sabah. Objek budaya yang dipakai ketika upacara perkahwinan tersebut yang memiliki motif, warna dan corak yang dipaparkan menghubungkan kehidupan dan alam persekitaran Iranun. Motif flora yang digunakan dalam pansandalan ketika proses perkahwinan lebih sinonim kepada wanita, manakala bagi motif fauna pula ditujukan kepada golongan lelaki. Reka bentuk yang terdiri daripada ikon bulan, bintang, matahari, alam tumbuhan, unggup (kuda) dan senjata ialah ikon status golongan syarif dan datu. Pemilihan warna bendera ketika upacara perkahwinan turut menggambarkan status sosial syarif (kuning), datu (hijau). Jika perkahwinan campur, warna yang berlainan akan dipasang secara bersebelahan.

Humin Jusilin (2017) juga mengungkapkan penggunaan warna dalam upacara perkahwinan dan kematian sangat penting bagi menunjukkan status sosial masyarakat Iranun. Warna hijau dan kuning dalam masyarakat Iranun melambangkan kesuburan dan kesejahteraan bagi status golongan syarif dan datu. Warna merah melambangkan semangat keberanian dan keperwiraan. Warna ungu melambangkan perpaduan, manakala warna biru pula melambangkan bersih dan suci. Begitu juga dengan warna hitam ialah lambang kesatuan dalam masyarakat Iranun. Asimilasi budaya yang berlaku menyebabkan warna-warna tersebut telah bercampur aduk, dan status sosial pada masa kini tidak lagi dipentingkan. Demikian halnya dengan aspek penggunaan keranda, tungkul dan payung orang mati dalam upacara kematian turut memiliki kod-kod tertentu yang menentukan sama ada golongan syarif, datu dan golongan orang biasa. Namun begitu, bagi masyarakat Iranun kod dan warna tersebut masih diguna pakai bagi menjaga status sosial dan mengelakkan denda adat yang dikenakan terhadap mereka yang melanggar adat.

Kajian berkenaan budaya benda masyarakat Iranun (2017; Asmiaty dalam Kntayya, 2013) pada dasarnya lebih kepada pemerhatian terhadap bentuk pakaian, yang meliputi tatarias dan adat yang diamalkan oleh masyarakat tersebut. Kajian

khusus berkenaan bentuk pelamin Iranun jika adapun hanya berdasarkan gambar-gambar berkenaan peralatan tanpa mengaitkannya dengan identiti masyarakat tersebut dan keperlun kepada pengekalan nilai estetika.

KONSEP BUDAYA BENDA

Budaya benda merupakan sebahagian daripada bentuk kebudayaan dalam sekelompok masyarakat. Pendapat Wan Hashim dalam (Abdul Rahman, 2004, p. 4) menyatakan aspek material sebenarnya lahir daripada aspek non-material kerana cetusan pemikiran atau gagasan yang melahirkan sesuatu dalam bentuk kebendaan atau reka cipta.

Budaya benda juga sering dikaitkan dengan kebudayaan kebendaan yang merangkumi segala ciptaan manusia seperti rumah, bangunan, perabot, alat perhubungan, pakaian, senjata, pinggan mangkuk dan pelbagai alat buatan dan pertukangan manusia (A. Aziz Deraman, 2001, p. 5). Oleh itu, budaya benda ialah himpunan hasil tangan yang dilakukan oleh manusia dalam bentuk kebendaan yang dapat dilihat, dipegang, dan digunakan bagi tujuan tertentu. Oleh itu, tidak hairanlah jika setiap masyarakat tradisi memiliki budaya benda yang pelbagai, hasil daripada kerja seni mereka.


Penelitian terhadap budaya benda bukan sahaja mencakupi pendokumentasian atau penilaian secara fizikal tetapi turut memperlihatkan ciri dan nilai keindahan sesuatu benda. Keindahan atau nilai estetika yang dimiliki sesuatu benda menjadikan benda tersebut berbeza dengan benda yang lain. Menurut falsafah Islam, estetika turut dikenali sebagai salah satu cabang ilmu berkenaan hakikat nilai keindahan dan nilai keburukan terhadap sesuatu.

Konsep Pelamin Iranun

Masyarakat Iranun bukan sahaja terkenal sebagai masyarakat minoriti di Sabah, malah mereka dikenali dengan keunikan dan kekayaan nilai budaya tradisi peninggalan sejarahnya. Sejarah masa lampau mereka yang dikatakan berasal dari kepulauan Filipina sering kali menjadi perbincangan dan diskusi para penyelidik dalam menentukan penghijrahan golongan Iranun yang yang berdarah kedatuan ataupun berdarah raja. Konsep darah inilah menjadi titik persoalan hakiki yang membawa kepada perlambangan dalam membentuk amalan dan ruang lingkup budaya mereka. Bagi menelusurnya nilai tautan identiti masyarakat Iranun, tergambar jelas dalam budaya perkahwinan yang diamalkan mereka secara warisan. Pelamin merupakan

ikon budaya yang mengambarkan status sosial masyarakat ini. Seperti yang ditakrifkan bahawa masyarakat Iranun seringkali mengaitkan diri mereka dengan makna *berkasih-kasihan*, yang menunjukkan hubungan titik permulaan hidup daripada alam perkahwinan. Walau bagaimanapun, dalam konteks perbincangan ini, pengkaji hanya memfokuskan pembicaraan terhadap konsep pelamin masyarakat Iranun dengan melihat nilai keindahan selain dianggap sebagai cerminan budaya identiti mereka sehingga ke hari ini.

Menjadi kebiasaan dalam masyarakat Iranun tanggungjawab menyediakan pelamin diletakkan di bahu si tukang pembuat pelamin kerana mereka ini pengamal yang faham tentang konsep warna dan fungsi, dan mereka juga yang berperanan sebagai tokoh pengekal dan penerus amalan warisan budaya Iranun. Mereka ini dikenali sebagai mak andam atau pak andam ataupun jika mereka bukan mak andam, mereka menyimpan khazanah tersebut daripada tinggalan nenek moyang mereka. Namun begitu, pada dasarnya penghasilan pelamin akan menekankan konsep adat, martabat, dan keturunan.



Rajah 1 Konsep pelamin masyarakat Iranun.

(Sumber: Lakaran pengkaji berdasarkan temu bual bersama informan).

Istilah martabat dikatakan menjadi inti pati dalam kehidupan etnik Iranun yang menandakan perbezaan mereka dengan pribumi lain dalam menggerakkan nilai sosial dalam keadaan susah dan senang mengikat ahli keluarga untuk terus bersatu (Datu Bandira, 2004, p. 121). Oleh itu, mereka yang mempunyai kedudukan dan pengetahuan tentang adat istiadat Iranun akan menzahirkannya dalam bentuk persembahan yang dapat digambarkan melalui pelamin Iranun itu sendiri. Seseorang pembuat pelamin mestilah orang yang arif dalam selok-belok adat istiadat Iranun. Mereka ini berperanan besar menentukan perkiraan dan status sebenar si pengantin sebelum melakukan persembahan dalam pelamin dengan mengambil kira warna, reka letak, dan susunan barang-barang tradisi yang diperlukan pada sesebuah pelamin. Konsep adat martabat dan darah keturunan ialah perkara yang mesti dititikberatkan sekali gus memhubungkan konsep tulah, iaitu mendatangkan kesan buruk seperti penyakit, malapetaka terhadap pengantin ataupun keturunan si pengantin dan juga mak andam atau pak andam sekiranya pelamin dihasilkan secara semberono. Sila lihat Rajah 1.

Kerangka Teori Keindahan

Indah seringkali dikaitkan dengan sesuatu atau sifat yang elok, cantik, baik, anggun, pesona dan tidak buruk. Indah yang diterbitkan hasil daripada emosi dan naluri manusia akhirnya membentuk perasaan. Akal manusia seterusnya memberikan tafsiran dengan pendapat masing-masing selagi mana tidak berpaling daripada diri manusia itu sendiri. Menelusuri perkataan indah sudah tentu menghubungkannya dengan teori keindahan, iaitu estetika. Dari segi etimologi, estetika merupakan bidang falsafah yang mengkaji atau menyelidik tentang keindahan. Namun begitu, ilmu estetika ini dibahagikan kepada dua faktor antara bahasa dan objek seni (Zakaria Ali, 1989, p. 200).

Faktor bahasa membincangkan konsep keindahan dalam aspek bahasa yang mudah dan bahasa yang agak susah. Faktor objek seni pula menerangkan tentang benda yang ada dan boleh dicapai, dirasa, didengar, dilihat berdasarkan deria manusia sehingga mewujudkan persoalan berkenaan konsep keindahan. Tanpa sesebuah objek seni maka tidaklah berfaedah untuk menjelaskan keindahan yang juga dikaitkan dengan perasaan membosankan sekali gus mengajak manusia untuk berfikir menyelesaikan benda yang sedia ada menjadikannya lebih baik dan untuk memastikannya tidak seperti selalu. Menurut pandangan Melayu, keindahan ditafsirkan yang dirasai, dialami, diamati, difahami dan diolah (Zakaria, 1989, p. 201).

Menurut falsafah Islam, estetika turut dikenali sebagai salah satu cabang ilmu berkenaan hakikat nilai keindahan dan nilai keburukan terhadap sesuatu. Kewujudannya dianggap sebagai pancaran Ilahi dengan penyerahan keseluruhan kepada kuasa Tuhan di samping hubungan konsepsional pelbagai aspek kebudayaan yang terkandung dalam estetika (seni), ilmu dan agama, serta kemungkinan-kemungkinan untuk merealisasikan dalam kehidupan nyata (Masmedia Pinem, 2012, p. 172).

Begitu juga dengan konsep yang digunakan oleh al-Faruqi bahawa estetika menurut konsep Islam merupakan pandangan yang muncul daripada pandangan dunia tauhid, iaitu berkenaan apa-apa yang dapat dirasai dan intuisi dalam Islam (al-Faruqi, 1995, p. XIII).

Pendapat yang dicatatkan oleh (George T. Dickie, 1973, p. 235) pula, estetika merangkumi aspek falsafah keindahan dalam alam semesta atau produk ciptaan manusia: ... *the branch of philosophy concerned with beauty and the beautiful in nature and art.*

Oleh hal yang demikian, penjelasan berkenaan nilai estetika peralatan budaya turut dinilai sama ada hanya menjadi alat atau memiliki falsafah atau kecantikan yang mampu menggambarkan aspek budaya masyarakat. Sehubungan itu, tentu sahaja nilai keindahan yang digambarkan masyarakat merupakan pancaran norma kehidupan ataupun daripada falsafah yang dianuti masyarakat, apakah lagi etnik Iranun beragama Islam. Oleh itu, keindahan pelamin yang ditonjolkan masyarakat ini perlu dilihat sama ada berkait langsung atau memiliki ciri-ciri keindahan yang telah digariskan dalam Islam.

ELEMEN BENDA DAN KEINDAHAN DALAM PELAMIN IRANUN

Sesebuah pelamin yang dihasilkan memiliki keunikan dan maksud tersendiri. Pelamin dibina berdasarkan konsep tolong-menolong antara golongan lelaki dan perempuan. Biasanya golongan lelaki menyediakan peralatan pertukangan bagi mendirikan struktur pelamin, manakala golongan wanita pula berperanan menyediakan barang-barang tradisi mengikut susunan dan hiasan yang ditentukan berdasarkan kemahiran dan pengalaman yang dimiliki dan yang dipelajari daripada nenek moyang mereka. Antara barang tradisi yang diperlukan dalam penyedian sesebuah pelamin Iranun termasuklah *sempangan*, *dempas*, *sumbul*, *tabak*, dan talam. Kesemua elemen barang tradisi ini mesti ada bagi melengkapkan seri sesebuah pelamin sekali gus melambangkan identiti masyarakat Iranun. Artikel ini akan membincangkan budaya benda yang terdapat dalam sesebuah pelamin Iranun dengan mengabungkan keindahan dalam cerapan nilai budaya hiasan pelamin yang lengkap.

Sempangan

Sempangan merupakan sejenis kain rentang yang dijahit dengan menggunakan tangan atau menggunakan tampalan. *Sempangan* mempunyai motif dan warna tertentu. Pada kebiasaannya dihasilkan daripada kain kapas untuk menghiasi bahagian atas kiri, kanan dan bawah pelamin. Namun begitu, *sempangan* juga dikenali sebagai *ulap-ulap* oleh masyarakat Iranun. Kain kapas turut dikenali sebagai kain baldu yang ditekat dengan menggunakan benang emas dan dihiasi rerambu atau manik bermotifkan bunga, daun, awan larat dan tumbuh-tumbuhan dijadikan kain rentang atau tirai (*ulap-ulap*) bagi menghiasi pelamin (Humin, 2013, p. 117). *Sempangan* mempunyai fungsi tertentu sama ada digunakan sebagai kain rentang untuk menghiasi bilik pengantin, khemah tetamu, hiasan usunan (kenderaan pengantin), usungan (kenderaan orang mati), dan hiasan rerumah alat muzik kulintangan. Oleh itu, *sempangan* dapat dibezakan mengikut istilah, saiz dan kedudukannya diletakkan. Jika diletakkan pada bahagian atas pelamin *sempangan* tersebut dikenali sebagai *ulap-ulap* yang mengeliling bahagian sudut atas dan bahagian kiri dan kanan pelamin. Begitu juga dengan hiasan bilik tidur pengantin di bahagian atas turut dihiasi dengan *ulap-ulap* kerana terletak pada bahagian atas katil pengantin. Kain rentang panjang yang menghiasi bahagian keliling ruang tamu rumah pengantin, khemah tetamu, dan bawah rumah pengantin lebih dikenali sebagai *sempangan*. Kainnya lebih lebar dan panjang melebihi 15 kaki. *Sempangan* dan barang budaya inilah yang melengkapkan sesebuah majlis perkahwinan. Pelbagai warna dan motif bergantung pada status pengantin atau tuan rumah yang dipadankan bagi menambahkan keindahan budaya benda yang diwarisi. Keunikan *sempangan* ini bukan sahaja terletak pada penggunaan warna kain dan hiasan yang ditampal pada kain tersebut tetapi motif yang digunakan turut memberikan impak keindahan. Biasanya *sempangan* disimbolkan kepada alam sekitar dan darah keturunan masyarakat yang menggunakaninya. Paparan pelbagai jenis *sempangan* yang dihasilkan oleh masyarakat Iranun seperti dalam Rajah 2.

Jika diperhatikan bentuk ukiran yang ditonjolkan pada *sempangan* berbentuk geometri dan juga ukiran flora dan fauna organik yang menjadi hiasan masyarakat ini. Motif seperti daun, bunga keladi, pucuk paku ataupun bentuk segi tiga dan empat sama ada dijahit, ditampal atau disusun secara berulang menjadikan pola hiasan yang memanjang. Seperti dalam tuntutan seni Islam itu sendiri yang tidak menggalakkan bentuk figura manusia atau binatang (fauna) maka ragam hias geometri atau motif bunga merupakan refleksi penenun kepada alam persekitaran yang menjadi pilihan.

Demikian juga dengan motif atau simbol cakerawala yang memperlihatkan pantulan kepada kejadian alam yang menjadi panduan masyarakat tersebut.



Foto 1 Sempangan atau *ulap-ulap* yang dihasilkan dengan kaedah tampal dan jahit.

Foto 2 Sempangan atau *ulap-ulap* yang dihasilkan dengan kaedah lakaran dan jahitan tangan.





Foto 3 Sempangan atau *ulap-ulap* di bahagian atas bilik tidur pengantin.

Foto 4 Sempangan atau *ulap-ulap* di bahagian atas pelamin.



Foto 5 Sempangan atau *ulap-ulap* di bahagian kaki pelamin.

Foto 6 Sempangan atau *ulap-ulap* di bahagian kanan dan kiri pelamin.

	
Foto 7 Sempangan di bahagian khemah tetamu.	Foto 8 Sempangan di bahagian keliling ruang tamu rumah pengantin.
	
Foto 9 Sempangan di bahagian usunan/Usungan.	Foto 10 Sempangan di bahagian rerumah alat kulintangan.

Rajah 2 Pelbagai jenis *sempangan* masyarakat Iranun.

Cakerawala ialah salah satu unsur alam yang sering menjadi metafora kejayaan dan kebahagiaan dalam alam perkahwinan. Dari segi pilihan warna, penggunaan warna merujuk identiti dan tingkat kekerabatan masyarakat Iranun itu sendiri.

Dempas

Dempas merupakan sejenis tikar mengkuang atau pandan yang dianyam secara berlapis, iaitu *likud* (lapisan belakang; dasar) dan *bias* (lapisan permukaan). Biasanya tikar tersebut akan dilapiskan dengan tindanan kain baldu lengkap dengan warna, corak dan motif tersendiri. *Dempas* yang berlapis ini turut dikenali sebagai tikar *liaupan* atau *dempas diakatan* yang bermotifkan awan larat, dan berfungsi sebagai hiasan pada bahagian latar belakang pelamin (Humin, 2013, p. 117). Sebanyak tiga hingga lima *dempas* digunakan sebagai hiasan bahagian latar pelamin tersebut atau

		
Foto 1 Dempas Liaupan (Motif rebung sapaw).	Foto 2 Dempas Liaupan (Motif rebung sapaw).	Foto 3 Dempas Diakatan (motif awan larat).
		
Foto 4 Dempas Diakatan (motif awan larat).	Foto 5 Dempas Liaupan (Motif rebung sapaw).	Foto 6 Dempas Liaupan (Motif rebung sapaw).

Rajah 3 Pelbagai jenis *dempas* masyarakat Iranun.

sebagai tempat duduk pengantin lelaki semasa pernikahan atau sebagai dekorasi yang dipadankan di atas pemain. *Dempas* yang telah siap biasanya menggunakan sulaman benang emas jenis halus dan lebih kecil. Pemilihan warna bergantung pada pembuat *dempas* tersebut dan berkait rapat dengan tuntutan permintaan. Namun begitu, aspek warna memainkan peranan yang mempunyai makna tingkat sosial mereka. *Dempas* memperlihatkan status keturunan keluarga pengantin. Warna kuning menunjukkan keturunan Syarif sementara warna hijau dan berasaskan motif tumbuhan menunjukkan pengantin berketurunan datu'. Jika pengantin daripada keturunan syarif, maka warna kuning menjadi pilihan mereka. Golongan biasa menggunakan warna selain warna-warna tersebut. Motif hiasan yang menjadi pilihan tekanan atau tenunan masyarakat Iranun merujuk alam sekitar yang meliputi kosmologi, flora dan juga geometri.

Bagi golongan wanita Iranun yang baru melangsungkan perkahwinan, mereka dibekalkan oleh ibu mereka dengan segulung *dempas*, sebagai hadiah antara golongan wanita bagi membina keluarga yang baharu. Rajah 3 memaparkan pelbagai jenis *dempas* yang digunakan untuk pelamin Iranun.

Sumbul

Masyarakat Iranun terkenal sebagai masyarakat yang memiliki koleksi benda berasaskan barang tembaga. Tembaga antara aset penting yang melambangkan status sosial mereka. Semakin banyak barang tembaga yang dimiliki semakin tinggi lambang kekayaan seseorang itu. Tembaga juga penting sebagai alat paling utama yang dijadikan berian dalam sesebuah perkahwinan. Salah satu barang tembaga yang paling bernilai tinggi ialah *sumbul*. Hiasan pelamin Iranun secara tradisi mengutamakan penggunaan *sumbul* mengikut susun atur mak andam. Semakin banyak *sumbul* yang digunakan semakin tinggi jugalah status seseorang pengantin itu. Setiap *sumbul* yang digunakan disusun mengikut saiz kecil ke besar dan diletakkan di tingkat bahagian atas, kiri dan kanan pelamin mengikut kesesuaian mak andam. *Sumbul* ini diukir menggunakan corak tertentu. Corak ini tidak menunjukkan sebarang simbol kepada masyarakat tersebut kerana *sumbul* ini dibeli oleh nenek moyang mereka ketika bermiaga dengan orang Cina atau orang Brunei. Walau bagaimanapun, pemilikan *sumbul* merupakan lambang kekayaan bagi sesebuah keluarga dalam masyarakat Iranun. Pada masa kini sesiapa yang memiliki *sumbul* agak beruntung kerana barang ini dikehendaki ketika upacara perkahwinan bagi masyarakat tersebut. Rajah 4 memaparkan pelbagai jenis *sumbul* yang digunakan untuk hiasan pelamin.



Foto 1 *Sumbul nanans*

Foto 2 *Sumbul*

Foto 3 *Sumbul*



Rajah 4 Pelbagai jenis *sumbul* masyarakat Iranun.

Penggunaan *sumbul* sebagai hiasan pada suatu masa dahulu juga berfungsi sebagai tempat meletakkan hadiah berupa wang ringgit pemberian tetamu kepada pengantin sebagai hadiah.

Tabak

Tabak seperti *sumbul* merupakan sebahagian daripada barang tembaga yang bernilai tinggi dalam masyarakat Iranun. *Tabak* biasanya dijadikan dulang untuk mengangkat hantaran perkahwinan sama ada bunga manggar, perhiasan pengantin, dan kuih-muih yang telah dihias dikenali sebagai *Idang*. Bentuknya seperti dulang leper dan mempunyai kaki. Bagi tatarias pelamin *tabak* diletakkan di bahagian hadapan kiri dan kanan pelamin. Pada masa dahulu *tabak* ini digunakan sebagai talam untuk barang hantaran. Bagi masyarakat Iranun yang berkemampuan mereka biasanya memiliki barang ini dan diagihkan kepada anak-anak mereka sebagai warisan.



Rajah 5 Tabak masyarakat Iranun.

Talam

Talam merupakan dulang tembaga yang tidak mempunyai kaki. Talam juga dikenali sebagai *talam bagulung* oleh masyarakat Iranun. Jika dahulu *talam bagulung* digunakan sebagai alat untuk menghidangkan makanan golongan syarif dan datu. *Talam bagulung* memiliki pelbagai saiz dan corak. Orang Iranun gemar menyimpan talam jenis ini di bahagian ruang tamu sebagai barang hiasan rumah. Mereka menyusun atur *talam bagulung* mengikut saiz di bahagian dinding. Amalan ini menunjukkan darjah seseorang pemilik rumah yang disegani oleh penduduk setempat. Sesetengah Mak Andam menggunakan *talam bagulung* sebagai hiasan pada bahagian latar belakang pelamin. Namun begitu, tidak kurang juga penggunaannya sebagai hiasan di bahagian kiri dan kanan pelamin. Barang berupa tembaga merupakan lambang status bagi masyarakat Iranun. Pada hari ini, memiliki peralatan ini merupakan satu kepuasan kerana tidak ramai keluarga Iranun yang masih menyimpannya sebagai barang pusaka.

Hiasan *tabak* dan *talam* yang disusun kemas menghiasi pelamin pengantin Iranun ini pada masa dahulu berfungsi sebagai tempat meletakkan bunga pahar dan juga hidangan minuman kepada tetamu. Namun begitu, fungsinya pada masa kini lebih menyerlah sebagai hiasan semata-mata.



Rajah 6 Talam masyarakat Iranun.

KESIMPULAN

Peralatan tradisi yang diguna pakai oleh masyarakat Iranun hari ini bukti artifak terdahulu yang diwarisi oleh zaman nenek moyang mereka. Keaslian dan fungsi barang tradisi seperti *sempangan*, *dempas*, *sumbul*, *tabak* dan *talam bagulung* yang dijadikan barang hiasan dalam penghasilan sesebuah pelamin mengambarkan identiti dan tingkat sosial mereka. Barang budaya ini merupakan simbol kepada keturunan pengantin yang harus dipelihara bagi mengelakkan kejadian seperti bencana atau tulah sekiranya dilanggar dengan sewenang-wenangnya. Oleh itu, penyediaan barang tradisi tersebut tidak hanya menekankan konsep keindahan yang diingini oleh setiap keluarga pengantin untuk tatapan tetamu malah sebagai suatu peraturan hidup yang harus dilaksanakan seperti struktur sosial golongan pemimpin yang disegani oleh golongan hamba. Barang budaya ini juga terikat kepada warna yang disyorkan untuk ditonjolkan bagi mengelakkan sebarang penyakit atau masalah kepada pasangan pengantin dalam hidup berkeluarga kelak. Oleh itu, budaya benda etnik pribumi ini harus dipelihara bagi menjaga identiti dan dapat menyumbang kepada khazanah warisan untuk tatapan generasi akan datang.

RUJUKAN

- Abd. Naddin Shaiddin. (2014). Adat resam dan pantang-larang suku kaum Iranun. *Adat resam dan pantang-larang suku kaum di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Ahmad Hanfiah. (2004). *Komunikasi budaya: Dari alam rahim ke alam barzakh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman. (2001). *Masyarakat dan kebudayaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buku tahunan perangkaan Sabah*. (2014, 2015). Edisi 2010, Kuala Lumpur: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Datu Bandira Datu Alang. (1992). *Iranun: Sejarah dan Adat Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dayang Suria Hj. Mulia. (2010). Adat dan ritual suku Kaum Iranun di Kota Belud. Saidatul Nornis Haji Mahali (ed). *Adat dan Ritual Kematian di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Datu Bandira bin Datu' Alang. 2004. Suku kaum Iranun. Mohd Sarim Hj. Mustajab (ed.). *Warisan budaya Sabah etnisiti dan masyarakat*. Universiti Malaysia Sabah: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa.
- George T. Dickie. (1973). *Encyclopedia Americana*. Vol. I, 235. New York: American Corporation.

- Headly, D. 1951. Some Illanun and Bajau marriage customs in Kota Belud District. Nort Borneo. *Journal of Malaysian Branch of Royal Asiatic Society*, 14(3). October.
- Humin Jusilin. (2013). Lemb'a' (Pelamin): Sebagai objek budaya dalam adat perkahwinan masyarakat Iranun di Sabah. *TENIAT: International Journal of Creative Futures and Heritage*, 1(1), 117.
- Humin Jusilin. (2014). Reka bentuk *pasandalan* dan pamnaie sebagai lambang adat perkahwinan masyarakat Iranun. *Jurnal Gendang Alam*, 4, 78.
- Humin Jusilin. (2017). Warna dalam upacara adat masyarakat Iranun di Sabah. Saidatul Nornis Hj Mahali (ed.). *Pumpunan budaya peribumi di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Ismail Raji al-Faruqi. (1995). *Tawhid: Its implications for thought and life*. IIIT: Herndon Virginia.
- Lokman Abdul Samad dan Asmiaty. (2013). Iranun. In Kntyya Mariappan *et al.* (eds). *Murut dan Etnik Lain-lain*. Kuala Lumpur: ITBM.
- Masmedia Pinem. (2012). Ekspresi seni dalam Islam kajian atas pemikiran Ismail Raji Al-Faruqi. *Jurnal Suhuf*, 5(2), 271 – 287.
- Zakaria Ali. (1989). *Seni dan seniman ese-i-esei itu seni halus*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Inventori budaya etnik negeri Sabah. Etnik Iranun.* (2017). Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah dan Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar.

Diperoleh (*received*): 4 Februari 2019

Diterima (*accepted*): 7 Mei 2019